

PNB kembang pelaburan baharu jangka panjang

Tenaga boleh diperbaharui, teknologi 5G antara sektor diyakini ada potensi cerah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan mengembangkan segmen pelaburan baharu jangka panjang dalam sektor berpotensi seperti tenaga boleh diperbaharui, teknologi 5G, logistik dan pusat data.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata sektor berkenaan dilihat mempunyai potensi pertumbuhan yang cerah pada masa depan dan ia sejajar dengan usahanya untuk mempelbagai portfolio pelaburannya.

Beliau berkata, syarikat pengurusan dana terbesar Malaysia itu mencatat pencapaian membebangsakan hasil daripada inisiatif kepelbagaian yang dilaksanakan untuk membangun portfolio pelaburan lebih mampu menangani ketidakpastian dan ketidakstabilan pasaran.

Beliau berkata, pelaburan antarabangsa membentuk 12 peratus daripada portfolio pada akhir 2020, berbanding 8.5 peratus pada tahun sebelumnya, dengan hasil ketara daripada kepelbagaian aset dilihat menerusi sumbangan 25.5 peratus segmen itu kepada keseluruhan pendapatan.

“Melangkah ke hadapan, PNB menyasar untuk mengembangkan segmen pelaburan baharu dalam jangka masa panjang.

“Sektor yang berpotensi merangkumi tenaga boleh diperbaharui dan teknologi 5G, logistik dan pusat data,” katanya pada taklimat media sempena pengumuman laporan tahunan PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz.

PNBhd (PNB) mencatatkan prestasi kewangan berdaya tahan pada 2020 dengan mengagihkan pendapatan dan bonus berjumlah RM11.1 bilion kepada pemegang unitnya.

Jumlah itu menjadikan pengagihan pendapatan terkumpul PNB sejak awal penubuhan sebanyak RM211.3 bilion yang mencerminkan kenaikan 5.5 peratus daripada RM200.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Pengurus dana terbesar Malaysia itu juga berjaya meningkatkan aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak 3.4 peratus kepada RM322.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berbanding RM312.0 bilion pada tahun sebelumnya meskipun berdepan persekitaran mencabar dicetuskan COVID-19.

Dr Zeti berkata, 2020 adalah tahun yang paling mencabar dalam sejarah, namun PNB telah memperoleh hasil yang ketara daripada strategi transformasi yang dilaksanakan sejak 2018.

Beliau berkata, PNB berjaya menghadapi satu lagi iklim pelaburan yang sangat mencabar dan dapat menghasilkan tiga pencapaian yang membebangsakan pada 2020.



Ahmad Zulqarnain bersama Zeti pada Majlis taklimat media sempena pengumuman laporan tahunan PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 di Kuala Lumpur, semalam.

“Kami mengekalkan prestasi kewangan yang berdaya tahan, mencapai kemajuan ketara dalam usaha kepelbagaian portfolio dan meningkatkan lagi pengalaman pengguna kepada pemegang

unit, terutama menerusi platform digital.

“Hasilnya, PNB telah berjaya meningkatkan AUM kepada RM322.6 bilion dan terus memberikan pulangan kompetitif berjumlah RM11.1 bilion sepanjang tahun ini,” katanya.

Mengenai perkembangan terkini pembinaan Menara Merdeka 118, Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz, berkata kerja pembinaan menara ikonik itu sudah mencapai tingkat 118.

Beliau berkata, pembinaan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua 2022 dan bersedia untuk dihuni pada separuh kedua tahun hadapan.

RM211.3 bilion

pengagihan pendapatan terkumpul PNB sejak awal penubuhan